

0499

R 0325 BAH
ANWAR - FITNAH

KUALA LUMPUR, 12 SEPT (BERNAMA) --MENTERI PENDIDIKAN ENCIK ANWAR IBRAHIM HARI INI BERKATA, MEREKA YANG MENENTANG KEPIMPINAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR HARUS MENGHENTIKAN KEMPEN MEMFITNAH JIKA MEREKA IKHLAS INGIN MAHUKAN PERPADUAN MELAYU.

+INI BUKAN SATU SYARAT (BAGI MENGADAKAN MUSYAWARAH ANTARA DATUK SERI DR MAHATHIR DENGAN DATUK MUSA HITAM DAN TENSKU RAZALEIGH HAMZAH),+ TEGAS ENCIK ANWAR KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA, INSTITUT SETIAUSAHA DAN PENTAQBIR BERKANUN (ICSA), DI SINI.

KATANYA, PIHAK YANG MENENTANG DATUK SERI DR MAHATHIR SERING MENGELUARKAN KENYATAAN YANG BERCANGGAH. MEREKA MEMFITNAH PERDANA MENTERI TETAPI KEMUDIAN MENGAJAK BELIAU BERUNDING, KATANYA.

ENCIK ANWAR YANG JUGA NAIB PRESIDEN BERKATA DEMIKIAN KETIKA DITANYA OLEH PEMBERITA SAMA ADA PERLUNYA PIHAK KETIGA BAGI MENGURUSKAN SOAL UNTUK MEMPERCEPATKAN MESYUARAH ANTARA DATUK SERI DR MAHATHIR DENGAN TENSKU RAZALEIGH HAMZAH DAN DATUK MUSA HITAM. -- LAGI
1344MST 12 09 88

0502

R 0326 BAH
ANWAR - FITNAH 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, TIDAK TIMBUL SOAL PERLU ATAU TIDAKNYA PIHAK KETIGA TETAPI YANG PERLU IALAH BAGI PIHAK YANG MENENTANG PERDANA MENTERI ITU MENGHENTIKAN PERBUATAN FITNAH DAN SERANGAN-SERANGAN PERIBADI.

DATUK MUSA KATANYA, MENANG TIDAK BERMASALAH UNTUK BERJUMPA DENGAN PERDANA MENTERI APATAH PULA PERDANA MENTERI SENDIRI TELAH MENYATAKAN KESEDIAAN UNTUK BERMUSYAWARAH.

MALAH KATANYA, MENTERI-MENTERIPUN HANYA BOLEH BERJUMPA TIDAK LEBIH SETENGAH JAM DENGAN PERDANA MENTERI TETAPI DATUK MUSA PERNAH BERBUAT DEMIKIAN SAMPAI DUA JAM, TANPA PERLU MENETAPKAN JANJITEMU TERLEBIH DAHULU.

BELIAU SETERUSNYA MENDAKWA BAHAWA, KEMPEN MEMFITNAH ITU SENGAJA DIBESAR-BESARKAN +UNTUK MENUTUP KEAIBAN SENDIRI+.

BELIAU MENDAKWA, ORANG SEPERTI ITULAH YANG TELAH BEROLEH KESENIANGAN SEMASA DALAM KERAJAAN TETAPI KEMUDIAN MENUDUH YANG BUKAN-BUKAN TERHADAP PERDANA MENTERI DEMI UNTUK MENUTUP KEBURUKAN SENDIRI. --BERNAMA

1349MST 12 09 88